

26/08/1997

PM beri ucapan perdana di Pasir Puteh

KOTA BHARU, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Kelantan sehari pada Jumaat ini (29 Ogos) akan menyampaikan ucapan perdana di Perhimpunan Rakyat, di Sekolah Menengah Cherang Ruku, Pasir Puteh, bermula jam 3.30 petang.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan, Perdana Menteri akan disambut dan diarak dengan 778 motosikal, 43 kereta Kancil dan 14 kereta Proton.

Perarakan rakyat bermula dari Kampung Tok Kederat (sempadan Bachok/Semerak/Pasir Puteh) melalui jambatan Cherang Ruku ke tempat perhimpunan.

"Dianggarkan lebih 20,000 orang akan hadir mendengar ucapan Perdana Menteri itu," menurut kenyataan berkenaan.

Majlis itu juga sebagai menutup konvensyen Barisan Nasional (BN) Kelantan, yang berlangsung sehari sebelumnya, di sebuah hotel, di sini.

Majlis itu dianggap sebagai acara simbolik meraikan kemenangan calon Barisan Nasional (BN), Kamarudin Mohd Nor dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Semerak, 11 Ogos lalu.

(END)